

Nasib ibu tunggal terus dibela

**K U A L A
T E R E N G G A N U** - Kerajaan negeri tidak pernah meminggirkan golongan ibu tunggal, malah sentiasa berusaha membantu golongan itu, terutamanya dalam meningkatkan ekonomi keluarga mereka.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat negeri, Roslee Daud berkata, pelbagai inisiatif dilakukan, antaranya memberi bantuan faedah pinjaman, menyediakan kursus dan program berkaitan dalam meningkatkan keupayaan golongan itu untuk berdikari.

Malah, katanya, kerajaan negeri juga bercadang untuk menempatkan mereka di satu tempat, bagi membolehkan mereka menjalankan aktiviti ekonomi.

"Perancangannya, kita nak buat ruang perniagaan di kompleks ibu tunggal di Chendering. Ini bagi mem-



ROSLEE DAUD

bolehkan mereka menjalankan aktiviti perniagaan dan seterusnya menjadi sumber ekonomi mereka, ini yang kita akan laksanakan.

"Seramai 115 ibu tunggal juga telah diberi faedah pinjaman untuk melaksanakan program-program dalam mengangkat dan membantu ibu

tunggal, ini antara usaha yang kita buat," katanya.

Selain itu katanya, kerajaan negeri melalui Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu banyak menjalankan program motivasi dan kursus kemahiran, dalam meningkatkan keyakinan dan kemahiran mereka.

Jelasnya, golongan ibu tunggal yang berada dalam paras kemiskinan menjadi keutamaan dalam sebarang perancangan, program dan bantuan, bagi membolehkan nasib mereka terus dibela sehingga mampu berdikari dan keluar dari paras kemiskinan.

*Sinar Harian
13/24/17*